

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan Yang Dihargai,

Lembaran pendedahan produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai **Pinjaman Bertempoh Perniagaan**.

OCBC Bank (Malaysia) Berhad
(199401009721 / 295400-W)
Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia sangat membantu; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh:

1- Apakah itu Pinjaman Bertempoh Perniagaan (BTL)?

Pinjaman Bertempoh Perniagaan (BTL) adalah merupakan kemudahan pinjaman tidak bercagar yang tempohnya tetap atas dasar pengiraan kadar rata. Ia diberikan untuk tujuan modal kerja perniagaan.

2- Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk Pinjaman Bertempoh perniagaan ini, **sebagai ilustrasi:**

- Jumlah Pinjaman: **RM400,000.00**
- Tempoh: **5 tahun**
- Kadar Pinjaman: **7% kadar rata setahun**
- Kadar Pinjaman Efektif: **12.98% setahun**
- Ansuran Bulanan: **RM9,000.00**
- Jumlah Faedah: **RM140,000.00**
- Jumlah pembayaran balik **RM540,000** akan dibayar anda pada akhir tempoh **5 tahun**

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam kontrak.



Bayar **ansuran bulanan** anda tepat pada masanya dan sepenuhnya **sepanjang tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj yang berikut:

- **Yuran Perundangan & Pengeluaran:** Seperti yang dikenakan (jika ada) oleh Perintah Saraan Peguamcara 2023
- **Duti Setem:** Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Setem 1949 (Semakan 1989)
- **Kadar Pembayaran Lewat:** 1.00% setahun atas ansuran tertunggak akan dikenakan sehingga penyelesaian

3- Ketahui Risiko Anda

Bagaimana sekiranya anda gagal memenuhi kewajipan anda?

1. Anda bayar jumlah yang lebih disebabkan oleh caj bayaran lewat.
2. Kami boleh memindahkan baki kredit dari mana-mana akaun anda dengan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad bagi menjelaskan jumlah bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini.
3. Kemudahan pinjaman anda mungkin akan ditarik balik/dibatalkan atau tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda.
4. Penilaian kredit anda boleh dipengaruhi dengan menjadikannya lebih sukar atau mahal bagi anda untuk mendapatkan pembiayaan.

4- Terma Utama Lain

1. Bayaran terdahulu atau berlebihan dibenarkan, namun ia tidak akan memberi kesan kepada pengiraan caj faedah.
2. Bayaran terlebih akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dan digunakan untuk pembayaran akan datang berikutan.
3. Penyelesaian awal hendaklah tertakluk kepada notis bertulis satu (1) bulan terdahulu.
4. Rebate akan diberikan (jika ada) jika anda menjelaskan kemudahan itu sepenuhnya atau ditamatkan sebelum akhir tempoh BTL.

5. Rebate dikira seperti berikut: -

$X(X+1)$

X = Baki tempoh pinjaman (bulan)

$Y(Y+1)$

X Jumlah Faedah

Di mana,

Y = Tempoh pinjaman (bulan)

Jumlah faedah = Kadar Faedah Jumlah Pinjaman x Tempoh (bulan) / 12

Note: Rebate akan dikurangkan dengan kos yang ditanggung dan/atau akan ditanggung oleh Bank berkenaan dengan BTL.

6. Business Term Loan Assurance (BTLA) adalah mengikut pilihan anda. Jika anda/penjamin anda/pengarah syarikat/pemegang saham/rakan kongsi firma telah mengambil BTLA, anda atau penjamin anda mungkin diperlukan oleh Bank untuk memberikan hak dan faedah anda di bawah policy insurans kepada Bank sebagai cagaran bagi kemudahan kredit yang diberikan kepada anda oleh Bank.
7. Premium insurans yang akan ditolak dari jumlah pembiayaan pada pembebasan kemudahan seperti yang dibenarkan oleh anda kepada Bank.
8. Keperluan penjamin atau cagaran akan dinilai sebelum kemudahan kredit ini ditawarkan. Secara amnya, jaminan daripada pengarah/pemegang saham anda diperlukan.
9. Produk ini ditawarkan dengan berdasarkan kepada kadar tetap. Dalam keadaan dimana Kadar Pinjaman Asas (KPA) adalah lebih rendah daripada kadar tetap yang dipersetujui, anda terikat untuk membayar jumlah yang lebih tinggi secara perbandingan.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di:

1-300-88-0255

Atau

03-8317 5200



Lawati kami di:

[https://
www.ocbc.com.my/
business-banking](https://www.ocbc.com.my/business-banking)



Isi borang pertanyaan:

[https://
www.ocbc.com.my/
bizenquiry](https://www.ocbc.com.my/bizenquiry)

Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia atau BNMLINK di:

- **Tel:** 1-300-88-5465
- **Borang Web:** bnm.gov.my/BNMLINK
- **Alamat:** 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 16 Jan 2026.